

20/07/2001

Tolak pemilih automatik elak pengundi hantu: PM

Kadir Dikoh; Magendran Rajagopal

PUTRAJAYA, Khamis - Kerajaan menolak cadangan memperkenalkan sistem pendaftaran pemilih secara automatik untuk warga negara yang mencapai usia 21 tahun kerana langkah itu terdedah kepada wujudnya lebih banyak pengundi hantu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebaliknya hasrat kerajaan melalui cadangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan itu ialah bagi memberi pengiktirafan pendaftaran pemilih yang boleh diterima semua.

"Kita nak memastikan pendaftaran pengundi adalah jelas, tanpa sebarang kekeliruan dan akan diterima oleh semua pihak. Sekarang ini, banyak sangat persoalan (timbul).

"Tetapi (pendaftaran automatik untuk rakyat yang berusia 21 tahun), mungkin membuka laluan kepada pengundi hantu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan yang akan dibentangkannya pada sesi persidangan Dewan Rakyat sekarang cuma membabitkan banyak perkara biasa tanpa perubahan radikal.

Semalam, Kabinet meluluskan cadangan mengadakan pendaftaran pengundi sepanjang tahun dan sesiapa saja yang mendaftar layak mengundi dalam masa beberapa minggu saja, berbanding kira-kira sembilan bulan sekarang, seperti termaktub dalam cadangan pindaan kepada perkara 119 Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun, mesyuarat jemaah menteri itu menolak cadangan memperkenalkan sistem pendaftaran pemilih secara automatik untuk semua warga negara yang mencapai usia 21 tahun.

Sementara itu, jurucakap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berkata pihaknya sudah lama diarahkan bersedia dan mempunyai segala kelengkapan untuk menguruskan proses pendaftaran sepanjang tahun seperti yang dicadangkan Kabinet semalam.

"Walaupun begitu, tugas ini tidak boleh dilakukan SPR secara bersendirian kerana perlu ada bantuan daripada agensi kerajaan tertentu untuk memastikan pengundi yang berdaftar memenuhi segala syarat kelayakan.

"SPR perlukan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mengesahkan status kewarganegaraan pengundi yang mendaftar dan bantuan Jabatan Imigresen pula bagi memastikan pendaftar bukan warga asing.

"Kedua-dua langkah ini akan membolehkan SPR melakukan semakan terperinci sebelum menerima setiap permohonan pendaftaran pengundi," katanya ketika dihubungi hari ini.

Jurucakap SPR itu juga memaklumkan bahawa penyelarasan satu rangkaian komputer yang menghubungkan ketiga-tiga agensi kerajaan terbabit sudah cukup bagi membuat semakan untuk memastikan daftar pilihan raya yang disediakan benar-benar bersih.

Aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye, pula berkata cadangan Kabinet supaya pendaftaran pengundi dilakukan sepanjang tahun adalah satu langkah proaktif yang berkesan bagi menghapuskan pengundi hantu.

Katanya, kaedah pengurusan daftar pemilih yang dikendalikan SPR sekarang tidak begitu sempurna dan ramai pengundi berdaftar gagal mengundi sehingga sering dijadikan isu, baik oleh parti pemerintah atau pembangkang.

"Ketika saya berkhidmat sebagai Ahli Parlimen, saya menyokong kuat soal pendaftaran pengundi sepanjang tahun. Saya bangkitkan isu ini pada setiap

sesi Parlimen dan meminta kerajaan memperbaiki sistem pendaftaran pengundi.

"Cara pendaftaran yang dikemas kini akan membolehkan lebih ramai rakyat melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi bagi menentukan wakil rakyat serta parti pilihan mereka untuk memerintah negara.

"Sistem yang ada sekarang hanya mampu mendaftar 10 peratus dari 1.2 juta rakyat Malaysia yang mencapai umur 21 tahun setiap tahun dan perlu dikemas kini segera," katanya ketika dihubungi hari ini.

Lee berkata, SPR perlu sokongan penuh agensi kerajaan berkaitan bagi memantapkan kaedah mendaftar pengundi dengan memanfaatkan program pengkomputeran kerajaan dan perkembangan teknologi komunikasi maklumat (ICT) yang canggih.

Katanya, apa yang diperlukan adalah iltizam politik pihak kerajaan dengan menggandingkan kerjasama semua agensi di bawahnya bagi mewujudkan satu daftar yang mesra pengundi dan boleh dipercayai untuk semua pilihan raya di masa akan datang.

(END)